

25/06/2001

Pasaran dijangka melonjak selepas Perhimpunan Umno

Fred Tam

DUA minggu lalu, pasaran dibelenggu kebimbangan kononnya bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin disiasat polis. Bagaimanapun, kami menegaskan dalam ruangan ini bahawa ia adalah satu khabar angin yang memang sesuai dijadikan alat untuk sindiket tertentu mengaut untung daripada pasaran yang sudah melonjak sepanjang enam sesi berturut-turut sebelumnya. Oleh itu, kami menyimpulkan bahawa apa yang berlaku sebagai pembedahan dan pasaran mungkin melonjak semula minggu lalu.

Begitupun, ia tidak berlaku. Pada asas mingguan, angka tunjuk BSKL iaitu Indeks Komposit, susut 1.53 mata atau 0.26 peratus manakala Indeks EMAS jatuh 0.25 mata atau 0.18 peratus. Jumlah dagangan mingguan juga rendah, iaitu hanya separuh daripada minggu sebelumnya. Ia jelas membimbangkan ketakutan di kalangan pelabur jika ada berita negatif yang mungkin muncul daripada Perhimpunan Agung Umno 2001.

"Semua orang nampaknya menunggu hasil daripada perhimpunan Umno itu. Jelas tidak wujud kemasukan daripada pelabur institusi tempatan dan asing," kata seorang pengurus dana dengan sebuah syarikat asing.

Berbeza dengan beberapa tahun lalu yang mana perwakilan Umno membangkitkan pelbagai isu hangat, nada perdebatan kali ini jelas berbeza. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri jelas gembira dengan sesi hari pertama persidangan. "Saya lihat bahawa tumpuan tahun ini ialah ke arah mengukuhkan Umno dan ini amat berbeza dengan tahun sebelum ini. Kali ini mereka (perwakilan) amat bersemangat dan kelihatan lebih ikhlas bercakap mengenai perpaduan parti dan berusaha mengukuhkannya," kata Dr Mahathir.

Bagi mereka yang mengharapkan 'bunga api' terhambur daripada persidangan kali ini sudah tentu kecewa. Ketiadaannya itu sudah pasti membawa kesan positif terhadap peserta di pasaran saham atau setidak-tidaknya memberi kesan ke arah kestabilan - dan ia jelas menerusi ketiadaan sebarang tekanan jualan yang besar.

Bagaimanapun, saham yang dikaitkan dengan Umno kekal pada harga semasa, sekali gus memberikan petanda baik. Suasana lengang ini digambarkan dalam carta mingguan di mana wujud fenomena doji atau spinning top yang ditafsirkan sebagai ketidaktentuan.

Dalam pada itu, beberapa petunjuk lain yang diteliti menunjukkan pasaran mampu bergerak ke atas. Oleh itu, secara teknikalnya kami melihat sentimen pasaran sebagai positif. Mungkin juga akan wujud kenaikan selepas persidangan itu tamat minggu ini. HLG Securities hampir bersetuju dengan pendapat ini apabila dalam laporannya berkata "Aliran sejak 11 tahun lalu menunjukkan kemungkinan tinggi bagi harga saham melonjak selepas setiap kali tamatnya Perhimpunan Agung Umno".

Sejak beberapa minggu lalu, MCA pula dibelenggu debat hangat berhubung isu pembelian Nanyang Press Holdings Bhd oleh Huaren Holdings Sdn Bhd. Urus niaga itu membabitkan pembelian 72.35 peratus kepentingan Nanyang daripada Hume Industries.

Walaupun selepas diluluskan oleh 80 peratus anggota Majlis Presiden pada 23 Mei dan seterusnya oleh jawatankuasa pusat pada 30 Mei lalu, banyak pihak yang mengkritik tindakan berkenaan dan mengaitkannya dengan kemungkinan ia akan menjejaskan kewibawaan akhbar terbabit. Bagi mengatasi isu itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik memanggil satu Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM), semalam.

Oleh kerana artikel ini ditulis pada Jumaat, kami belum mengetahui sama

ada delegasi MCA akan mengambil keputusan memperakukan pembelian itu atau sebaliknya.

Bagaimanapun, melihat kepada harga saham Nanyang dan jumlah dagangannya, kami dapati harga tidak jatuh walaupun selepas kontroversi itu timbul pada 30 Mei lalu. Pada 30 Mei lalu, harga saham Nanyang ialah RM4.80 dan Jumaat lalu, ia ditutup pada RM5.25, naik 45 sen berbanding akhir dagangan 30 Mei.

Satu daripada yang semua sedia maklum di pasaran saham ialah apabila berita buruk gagal mencetus kejatuhan harga, ia boleh dianggap sebagai kukuh. Mengguna pakai konsep yang sama kepada Nanyang, peserta pasaran boleh dikatakan berpendirian bahawa harga saham Nanyang masih murah jika sekalipun perwakilan di EGM itu menolak pembelian oleh Huaren.

Mereka yang membeli saham Nanyang sudah tentu bernasib baik kerana di sebalik pelbagai kontroversi yang muncul, ia juga menarik minat ramai pembelinya. Ini bermakna, jika sekalipun ia ditolak, Nanyang tidak akan terjejas kerana sehingga ini sekurang-kurangnya dua pihak berminat terhadap Nanyang, malah satu daripadanya sanggup membayar sehingga RM6.10 sesaham.

Analisis teknikal kami mendapati minat belian terhadap Nanyang masih tinggi Jumaat lalu. Jika EGM MCA meluluskan pembelian itu besar kemungkinan harganya akan melonjak untuk menguji paras RM6,90, berdasarkan kepada Teori Gelombang Elliot. Bagaimanapun, jika perwakilan menolak pembelian oleh Huaren, tidak mustahil Presiden MCA akan menggunakan satu lagi pilihan iaitu untuk menawarkan saham Nanyang kepada ahli MCA.

Dengan modal berbayar hanya 61.19 juta saham, 72.35 peratus akan hanya membabitkan 44.27 juta saham atau 44,270 lot. Jika ia ditawarkan kepada ahli MCA, besar kemungkinan akan berlaku lebih langganan yang besar. Jika strategi ini digunakan, maka ia akan hampir sama dengan konsep yang digunakan ketika Multi-Purpose Holdings ketika menawarkan sahamnya kepada ahli MCA ketika mahu menjadi sebuah syarikat disenaraikan. Jadi, kami berpendapat, apa pun berlaku harga saham Nanyang akan bergerak ke atas minggu ini.

(END)